



PENGUNA jalan raya terutama penunggang motosikal terputus hubungan apabila jalan utama di Pasir Puteh ke Kuala Besut dinaiki air, semalam.

202 orang ditempatkan di tiga pusat pemindahan

PASIR PUTEH 2 Jan. - Bilangan mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan di sini bertambah kepada 202 berbanding 98 orang semalam.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Pasir Puteh, Tamizi Endut berkata, semua mangsa banjir terbabit ditempatkan di tiga buah pusat pemindahan.

Menurutnya, daripada jumlah itu seramai 124 mangsa ditempatkan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kamil, 60 orang di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Nara dan 18 mangsa di SK Bukit Awang.

"Jika keadaan bertambah baik, sebahagian daripada mereka dijangka pulang ke rumah masing-masing petang ini.

"Hujan masih lebat namun beberapa jalan utama sudah boleh digunakan semula oleh semua jenis kenderaan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Menurutnya, dalam kejadian se-

malam, sebilangan besar rumah mangsa di Kampung Wakaf Bunut, Bukit Awang, Kampung Nara, Kampung Tok Sudin dan Kampung Gelam dekat sini dinaiki air secara mendadak antara satu hingga empat meter.

Menurutnya, keadaan itu berlaku mungkin disebabkan limpahan air hujan yang menggenangi perkampungan mereka gagal dialirkan ke Sungai Semerak menerusi parit dan terusan besar berikutan ombak besar di kuala.

"Fenomena pertembungan dua arus iaitu aliran deras ombak dari Laut Cina Selatan menghalang pengaliran keluar air hujan dari kawasan daratan menyebabkan air hujan bertakung dalam masa yang singkat," katanya.

Menurutnya, operasi menyelamat dan memindahkan mangsa banjir yang dijalankan oleh anggota JPAM, polis, pasukan bomba dan penyelamat tidak menghadapi sebarang kesukaran kerana mendapat

kerjasama mangsa banjir terbabit yang mematuhi arahan pihak berkuasa.

Sementara itu, jurucakap Bahagian Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan ketika dihubungi berkata, paras air di Sungai Semerak pada pukul 1 petang ini mencatatkan bacaan 0.84 meter iaitu menurun sebanyak dua meter dari paras berjaga-jaga 2.4 meter semalam.

Dalam pada itu, Pengerusi Majlis Penyayang (Mayang) Parlimen Pasir Puteh, Zawawi Othman berkata, penduduk yang tinggal di kawasan rendah dan mudah digenangi air perlu mengawasi keselamatan anggota keluarga termasuk kanak-kanak bagi mengelak musibah.

"Saya juga nasihatkan orang ramai tidak mengambil peluang menjadikan banjir sebagai ruang untuk bergembira atau menjadikannya seperti pesta air kerana segala kemungkinan boleh berlaku jika kita tidak berwaspada," jelas beliau.